

## **HISBAH TERHADAP PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PENSYARAH: SATU SOROTAN**

**Muslihah Mazlan\***

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Noor Azizah Jakaria**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Azrin Ibrahim**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: muslihah@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 9 November 2023*

*Accepted : 13 November 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

### **ABSTRAK**

Pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu proses untuk menyampaikan dan memperolehi ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan diperolehi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan peranan daripada pengajar dan pelajar yang berlaku dalam pelbagai situasi sama ada formal mahupun tidak formal. Ilmu yang diperolehi juga akan memberi kesan kepada pelajar dari sudut efektif, kognitif dan psikomotor. Penilaian pengajaran dan pembelajaran merupakan proses bagi mendapatkan maklumat berkenaan kemajuan dan prestasi pelajar. Hasil daripada penilaian dapat digunakan oleh pengajar untuk menyediakan alternatif yang lebih baik bagi memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini membincangkan sorotan kajian terdahulu yang berkaitan penilaian pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kaedah analisis dokumen digunakan dalam kajian yang berbentuk kualitatif ini.

**Kata Kunci:** Pengajaran Dan Pembelajaran; Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran; Pensyarah

## ***ACCOUNTING ON THE EVALUATION OF TEACHING AND LEARNING AMONG LECTURERS: A HIGHLIGHT***

### ***ABSTRACT***

*Teaching and learning is a process to convey and acquire knowledge. Knowledge is acquired through teaching and learning activities that involve the role of the instructor and students that occur in various situations whether formal or informal. The knowledge gained will also affect students from an effective, cognitive and psychomotor point of view. Assessment of teaching and learning is a process to obtain information about student progress and performance. The results of the evaluation can be used by instructors to provide better alternatives to improve the quality of teaching and learning. This article discusses the highlights of previous studies related to the evaluation of teaching and learning among lecturers in higher education institutions in Malaysia. The document analysis method is used in this qualitative study.*

***Keywords:*** *Teaching And Learning; Assessment Of Teaching And Learning; Lecturer*

### **PENDAHULUAN**

Amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah memenuhi tuntutan rohani dan jasmani pelajar (Noornajihan & Ab Halim, 2013) selaras dengan matlamat falsafah pendidikan Islam. Aspek yang penting dalam sebuah pengajaran adalah merangkumi strategi, metodologi, pendekatan yang digunakan dalam mengajar isi kandungan mata pelajaran yang terkandung dalam kurikulum (Shukri & Rahman Shukor, 2009). Pengajaran merangkumi proses penyampaian kurikulum dan sistem penilaian pelajar untuk memerihalkan hasil keberkesanan pengajaran. Pelbagai pendekatan boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran antaranya pengajaran berpusatkan pelajar, pengajar, hasil, proses dan nilai (Noor Hisham, 2011).

Manakala pembelajaran merujuk kepada proses pengalaman yang diperolehi menghasilkan perubahan teguh kepada pengetahuan mahupun tingkah laku (Norasmah & Shukri, 2009). Selain itu, pembelajaran juga adalah proses interaksi pengajar dengan pelajar agar berlaku proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan terhadap pelajar. Pembelajaran yang berkesan akan menghasilkan perubahan yang kekal terhadap tingkah laku dan akhlak pelajar hasil daripada penglibatan dalam sesuatu pengalaman pendidikan. Secara lazimnya pengajaran yang kondusif akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Pemerolehan pengetahuan dan kemahiran oleh pelajar sangat bergantung kepada kecekapan pengajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran termasuklah mengamalkan teknik-teknik penilaian yang betul dan berkesan (Abdul Razak & Khalid, 2000).

Tenaga pengajar mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan kaedah konvensional dan perkaedahan berpusatkan pelajar. Menurut Robiah (1999) perkembangan program pendidikan tinggi di institusi pengajian tinggi bermakna pelbagai bentuk dan teknik pengajaran perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sukatan pelajaran adalah elemen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya dapat diikuti oleh pengajar dan pelajarnya (Strevens, 1978). Oleh itu, pengajar perlu pastikan matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Norhaslin (2004) menyatakan bahawa dalam mentafsir sukatan pelajaran ini, tenaga pengajar perlu lebih peka terhadap matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini juga, matlamat, objektif, isi kandungan dan tajuk pelajaran perlu selari dengan sukatan pelajaran. Hasil kajian menunjukkan tenaga pengajar kerap menggunakan penilaian formatif dan sumatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Penilaian sumatif iaitu peperiksaan akhir dan penilaian formatif iaitu kertas kursus, ujian bertulis, pembentangan, tugas dan kuiz (Juriah et. Al, 1999 & Norhasli, 2004). Abdul Razak dan Khalid (2000) pula mendapati tenaga pengajar menilai pencapaian pelajar dengan melalui penggeredan markah tugas dan kuiz tanpa berat sebelah merupakan penilaian yang berkesan. Perubahan dalam penilaian pengajaran dan pembelajaran boleh dibuat dengan tujuan untuk memperbaiki pembelajaran tersebut (Strevens, 1978).

## **CORAK PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI IPT**

Corak penilaian untuk subjek yang diajar di institusi pengajian tinggi (IPT) perlu merangkumi pelbagai jenis penilaian. Penilaian yang digunakan perlu memenuhi perbezaan individu pelajar serta menggalakkan perkembangan potensi dan keupayaan dalam kalangan pelajar. Dengan kata lain aspek penilaian yang digunakan pensyarah di IPT tidak hanya tertumpu kepada penilaian berbentuk peperiksaan, tugas individu dan berkumpulan atau kuiz, tetapi juga menggunakan penilaian secara atas talian (e-bincang, e-forum), penilaian dalam bentuk aktiviti dan sebagainya. Pensyarah perlu melakukan penilaian pengajaran dan pembelajaran dengan mentadbir, menaksir, menskor dan merekod pencapaian afektif pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi (Zambri, 2010). Keberhasilan dalam pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada faktor pensyarah yang menjalankan pentaksiran. Penilaian pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan ini, haruslah dinilai berdasarkan keperluan jaminan kualiti yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework-MQF*) dan konsep Pendidikan berasaskan-hasil (*outcome-based education*) (Bahagian Pengajian Tinggi, 2007). Penilaian ini selari dengan anjakan paradigma yang digariskan dalam Pelan Transformasi Negara iaitu anjakan daripada budaya kesan nyata (*output*) kepada budaya keberhasilan (*outcome*) (Sekretariat Majlis Kualiti, 2009).

Bagi memastikan kejayaan dalam proses penilaian pengajaran dan pembelajaran ini, kajian seharusnya mampu mengenal pasti hubungan antara input dan proses yang dilalui oleh pensyarah terhadap pencapaian kualiti mereka. Dengan kaedah ini, cadangan yang lebih tepat dapat dikemukakan bagi menentukan aspek yang perlu dibuat penambahbaikan semasa proses pendidikan sedang dijalankan (Townsend & Adam, 2003)

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian adalah satu disiplin yang amat penting bagi memastikan suatu program atau projek itu berjaya. Melihat peranan pensyarah yang sedemikian dalam dunia pendidikan hari ini, hisbah menjadi satu mekanisme yang bertindak bagi menghasilkan pensyarah yang berkesan sebaik sahaja melaksanakan tugas di universiti khususnya dalam aspek penilaian pengajaran dan pembelajaran. Hisbah membawa maksud meneliti, mentadbir, menghitung, meninjau, mencegah dan menahan manusia. Manakala menurut syarak, hisbah merupakan amalan yang bertanggungjawab meninjau, mentadbir, menyelaraskan dan memastikan semua kerja seseorang mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam mengajak kepada kebaikan (*al-amr bi al-makruf*) dan mencegah kepada keburukan (*al-nahy'an al-mungkar*) (Madzelah Makhsin, 2008).

## **KONSEP HISBAH DALAM PENILAIAN DAN PEMBELAJARAN**

Isu kredibiliti pensyarah dalam melaksanakan penilaian pengajaran dan pembelajaran sepatutnya dilihat sebagai permasalahan kepada sektor pendidikan tinggi negara yang sedang berkembang pesat sejajar dengan usaha kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab Pendidikan tinggi serantau. Pensyarah yang memilih kerjaya ini adalah kerana komitmen dalam kerja mereka khususnya dalam aspek pengajaran, penyelidikan dan penulisan. Hisbah adalah bentuk pengawasan yang dapat mengajak pensyarah melakukan kebaikan dan menghindari daripada berlakunya kemungkar. Dalam konteks penilaian pengajaran dan pembelajaran pula hisbah mampu menggalakkan para pensyarah melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar* disamping menjadikan integriti sebagai amalan yang sentiasa diterapkan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Madzelah (2008) menjelaskan bahawa hisbah merupakan aspek penting dalam sistem pemerintahan dan urus tabdir Islam. Ianya merupakan sistem yang berkembang dalam masyarakat Islam untuk memelihara kepentingan umum. Aplikasi hisbah ini amat dituntut untuk menerajui mana-mana sistem pengurusan terutama dalam aspek penilaian pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikannya ciri penting bagi menentukan kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan pensyarah di institusi pengajian tinggi.

Jaminan ini adalah berteraskan kejayaan dan keberuntungan yang dijanjikan Allah SWT dalam surah Ali Imran yang bermaksud;

*“ Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung”*

(ali 'Imran: 104)

Hisbah merupakan elemen penting dalam pengurusan Islam yang berperanan sebagai sistem pengawasan terhadap sesebuah masyarakat, organisasi dan individu (Adam Drahman & Suhaimi Ab. Rahman, 2019). Prinsip hisbah bermula dengan pengawasan dalaman yang dikenali sebagai muhasabat al nafs. Ia merupakan asas pengawasan yang bertujuan memastikan penilaian pengajaran dan pembelajaran

berjalan dengan baik dan tidak berlaku percampuran yang benar dan yang batil ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Pengawasan dalaman merupakan pengawasan terhadap diri sendiri yang timbul daripada kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap manusia dan segala amalan yang dilakukan oleh manusia akan diperhitungkan di akhirat (Marzelah, 2008). Apabila seseorang pensyarah itu gagal memainkan peranan secara berkesan dalam melaksanakan penilaian, muhtasib perlu mendedahkan perkara ini dan mengambil tindakan untuk menguraikan kesusutan yang berlaku (Al-Sahi, 1983).

Dengan adanya *muhtasib* dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam hisbah amat perlu agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik selain daripada memastikan penilaian dilaksanakan dengan cara betul. Hisbah pernah berperanan mencorakkan aktiviti pengurusan Islam dari segi jaminan keadilan, mewujudkan kecekapan dan mengawal sumber tenaga manusia yang berkesan (Akram, 1982). Sebagai khalifah Allah SWT yang dipertanggungjawabkan untuk menegakkan *ma'ruf* dan *nahi mungkar*, manusia mempunyai kecenderungan untuk lalai dan lupa. Dalam tradisi Islam, hisbah ialah instrumen khusus untuk membetulkan sebarang bentuk kepincangan bagi memastikan *amar ma'ruf* harus berjalan dan *nahi mungkar* dapat dilaksanakan.

*Hisbah* (حسبة) berasal daripada perkataan *hasaba-yahsubu* (يحسب حسب) iaitu yang membawa maksud “mengira” dan “jumlah” (Mahmud Yunus, 1989). Menurut Abd Karim Zaidan (1984) dalam kitabnya *Nizam Al-Qada'i*, hisbah dari sudut bahasa membawa maksud membilang dan menghisab. Dalam erti lain hisbah diambil daripada perkataan *al-Ihtisab* yang dipakai dalam melakukan sesuatu yang diperhitungkan pahala disisi Allah SWT. Perkataan hisbah ini mempunyai beberapa pengertian iaitu bilangan, kebanggaan, memadai dan ganjaran (Abi Husayn, 1972). Oleh itu, konsep hisbah secara terminologi ialah satu tugas, perbuatan dan suruhan agama yang merangkumi konsep menyeru ke arah kebaikan seperti yang dituntut dalam Islam (Ibn Manzur, 1988). Dari sudut bahasanya pula, hisbah mempunyai maksud menyuruh melakukan yang *ma'ruf* apabila ternyata ditinggalkannya dan dicegah kemungkaran apabila ternyata dilakukan (Al-Mawardi, 450H). Ibn Khaldun pula berpendapat bahawa hisbah adalah tugas keagamaan yang termasuk dalam bab perintah melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Menurut Abd al-Rahman (t.t) menjadi kewajipan ke atas mereka yang mentadbir urusan umat Muslimin untuk melantik seseorang yang mampu melaksanakan tugas hisbah dalam sesuatu masyarakat. Pelaksanaan hisbah adalah berteraskan kepada pemahaman dan pengamalan konsep *amar makhruf* dan *nahi mungkar* yang merangkumi hak Allah SWT, individu dan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Penguatkuasaan *amar makhruf* dan *nahi mungkar* ini meliputi semua kegiatan manusia termasuklah dalam politik ekonomi dan sosial dan ianya demi menjamin kemaslahatan masyarakat sekali gus menolak segala kerosakan (Mohd Miqdad Aswad et al., 2016).

Hisbah ini merangkumi dua bentuk pengawasan iaitu pengawasan dalaman dan pengawasan luaran. Pengawasan dalaman ini merujuk kepada pengawasan terhadap diri sendiri yang timbul daripada kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap manusia dan segala amalan yang dilakukan oleh manusia akan diperhitungkan di akhirat (Azrin Ibrahim, 2013). Manakala bentuk pengawasan

luaran adalah merupakan komponen pemantauan yang terdiri daripada masyarakat dan institusi rasmi oleh kerajaan. Ia melibatkan pemerhatian dan pengawasan yang rasmi. Kedua-dua bentuk pengawasan ini dapat menjamin keadilan dan saling melengkapi antara bentuk pengawasan dalaman dan luaran (Adam Drahman & Suhaimi Ab. Rahman, 2019).

## **ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN HISBAH DALAM PENDIDIKAN**

Profesion pensyarah tidak seharusnya dicemari dengan amalan yang tidak beretika memandangkan kepentingan profesion tersebut adalah mendidik dan menjadi rujukan kepada bakal professional yang lain. Universiti perlu bersedia untuk menangani masalah ini dengan lebih berkesan kerana amalan tidak beretika terbukti wujud di setiap institusi pengajian tinggi di negara ini. Walau bagaimanapun tidak kurang pentingnya peranan tempat kerja. Tempat kerja tidak boleh mengabaikan peranan ini. Program perlu diatur untuk meningkatkan amalan beretika bagi pensyarah khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Amalan tidak beretika perlu dibendung dan ditangani dengan baik, tidak boleh dilihat dengan sebelah mata (Shamsuddin Ahmad, et al, 2009). Rekod kes-kes yang melibatkan pelanggaran amalan etika akademik dalam kalangan pensyarah yang tidak menggunakan hisbah yang baik sehingga mencetuskan amalan sehingga mencetuskan amalan yang melanggar amalan etika akademik profesion mereka (Bahagian Sumber Manusia KPM, 2015). Pelanggaran etika dan penuluran masalah sosial boleh dihuraikan sebagai satu cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat tertentu yang mana pelanggaran sudah tentu bertentangan dengan nilai budaya dan nilai keagamaan sesuatu kelompok masyarakat (Ab Halim Tamuri et. Al, 2004).

Kajian yang dijalankan ke atas salah sebuah pusat pengajian awam mendapati pihak pengurusan pusat pengajian tersebut telah melakukan pemantau dan pengawasan yang ketat bagi menangani masalah pelanggaran sosial yang berlaku di situ (Siti Mariam Samat, 2002). Namun begitu, permasalahan sosial tersebut masih berterusan dan masih berlaku walaupun dilihat tidak kritikal. Sikap sebahagian pihak pentadbir institusi-institusi pendidikan dan juga pensyarah-pensyarah yang hanya mementingkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata haruslah diperbetulkan di mana aspek pembangunan insan dan penerapan nilai harus diberikan perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan manusia yang cemerlang dan bersahsiah tinggi. Sehubungan itu, hasil kajian mendapati bahawa ramai pensyarah yang tidak dapat menerapkan nilai yang baik kepada para pelajar semasa melakukan proses pengajaran dan pembelajaran. Kegagalan ini menyebabkan nilai yang baik dan berguna ini tidak dapat dikongsikan oleh golongan yang lebih muda (Ab Halim Tamuri et al., 2004).

Terdapat ramai pengkaji yang merekodkan pelbagai salah laku pensyarah antaranya tidak berlaku adil dalam penilaian, sering melakukan amalan pilih kasih, tidak tepati waktu, gagal melaksanakan tugas-tugas urus tadbir, menggunakan perkataan yang tidak sesuai semasa sesi pengajaran (Maisarah Mohamed Saat, Noriza Mohd. Jamal & Aniza Othman, 2004). Pelanggaran etika ini amat jelas dan pengkaji hendak melihat hubungan hisbah dapat meningkatkan amalan etika yang baik khususnya dalam penilaian pengajaran dan pembelajaran.

Oleh yang demikian, menyedari peri pentingnya peranan hisbah ini, pihak kementerian dan universiti dapat menyediakan platform yang sesuai demi memberi kefahaman dan meningkatkan pengetahuan setiap pensyarah dalam memahami hisbah ini. Lantaran itu, kursus berkaitan hisbah, penerapan nilai serta latihan-latihan melibatkan dalaman dan luaran dilaksanakan dan setiap pensyarah perlu melaluinya. Kursus yang panjang dan pengalaman mengajar yang lama juga tidak kurang membekalkan pensyarah dengan pengetahuan hisbah yang tinggi dan unggul. Di samping itu, dalam masa yang sama setiap kursus yang dilalui oleh sekalian pensyarah bukan sahaja dipenuhi oleh pengetahuan dan amalan hisbah malah turut disepadukan dengan aspek kepatuhan beragama seperti penaakulan, nilai professional serta aspek membuat keputusan yang tepat dan jitu. Tingkah laku yang selari dengan amalan hisbah merupakan segala tindak tanduk seseorang terhadap kepatuhan beragama secara tekal dan penuh komitmen. Kepatuhan beragama yang telah ada sebenarnya menyediakan panduan kepada seseorang individu atau kumpulan tentang bagaimana pada setiap masa mampu untuk bertingkah laku secara mengikut perintah agama (Abdul Rahman Mohd Aroff & Chang, 1994).

## KESIMPULAN

Pensyarah adalah tunjung kepada sistem pendidikan tertuari Negara yang berperanan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan menjadi teras dalam menentukan standard, mutu dan keberkesanan sistem pendidikan. Amalan *hisbah* merupakan amalan yang dapat menyumbang kepada kesedaran dan penghayatan agama dalam diri pensyarah dalam melaksanakan proses pengajaran bagi mencapai matlamat melahirkan modal insan yang berkualiti. Justeru peranan dan gaya penilaian pengajaran dan pembelajaran pensyarah di institusi pengajian tinggi seharusnya melalui transformasi bukan hanya sekadar penyampai ilmu kepada pelajar bahkan bertanggungjawab mencorakkan masa depan bangsa berkualiti. Oleh yang demikian pensyarah di insitusi pengajian tinggi seharusnya mempunyai nilai hisbah yang tinggi bagi menghasilkan penilaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi mencapai matlamat pendidikan.

## RUJUKAN

- Abu Umar Basyir. (2005). *Suci hati*. Muhammad Albani (Pnyt). Indonesia: AL-Qowam.
- Ansari, Zafar Afaq (Eds.). 1992). *Qur'anic concepts of human psyche*. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Razi, Muhammad Ibnu Umar. (2000). *Ruh dan jiwa: Tinjauan filosofis dalam perspektif Islam*. H.Moctar Zoerni & Joko S. Kahhar. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.
- Auni Abdullah. (2000). *Hisbah dalam pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur : IKDAS SDN BHD.
- Amada, G., & Smith, M.C. (2015). *Coping with Misconduct in the College Classroom: A Practical Model*: Biographical Publishing Company

- Azrin Ibrahim. (2015). Kepentingan hisbah dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil 11 2015 (Edisi Khas)*.
- Basya, Hassan. (1966). *Al-Funun al-Islamiyyat wa al-Waza'if 'ala al-'Athar al-'Arabiyyat*, Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Bahagian Sumber Manusia KPM (2015).
- Braxton, J.M., & Bayer, A E. (2003). *Faculty Misconduct In Collegiate Teaching*. Baltimore, MN, USA: The John Hopkins University Press.
- Brydon, S. R., & Scott, M.D. (2000). *Between one and many: The art and science of Public speaking* (3rd ed.). Mountain View, CA: Mayfiled Publishing Co.
- Che Haslina, Zulkefli Mohamad, Siti Khalijah Majid & Saharani Abdul Rashid. (2009). *Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian*. Esteem Academic Journal Vol. 5, No 2, 183-199
- Hamka. (2003). *Lembaga budi: Perhiasan insan cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hasnan Kasan. (2008). *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Haskin, W. A., & Staudacher, J. M (1987), *Successful Public speaking : A practical guide*. Clenview, IL: Scott. Foresman and Co.
- Hostman, L. (1989). *The evaluative consequences of hedges, hesitations, and intensifiers: Powerful and Powerful and powerless speech Style*. Human communication Research, 15
- Ibn Sina. (2009). *Psikologi Ibn Sina*. M.S. Nasrulloh. Tej. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Larson, C. U. (1992). *Persuasion: Reception and responsibility* (6th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing Co.
- Mardzelah Makhsin, (2008). *Hisbah Sistem Pengawasan Dan Etika Pengurusan Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Redmond, M.V. (2000). *Communication : Theories and application*. Boston, Ma: Moughton Mifflin Co.
- Said Hawwa. (1998). *Mensucikan Jiwa; Intisari Ihya 'Ulumuddin al-Ghazali*: Robbani Press, Jakarta.
- Zuridan Mohd Daud. (2010). *Penyucian Jiwa*. Kuala Lumpur: Must read Sdn. Bhd.